

Parlimen: Mandat Suruhanjaya Integriti Lebih Luas Berbanding IPCMC
Bernama
21 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan mempunyai mandat lebih luas kerana mempunyai bidang kuasa untuk menyelia 19 agensi penguatkuasaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Beliau berkata IPCMC yang dicadangkan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM tidak perlu ditubuhkan kerana Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan telah diwujudkan dan diperluas kepada semua agensi penguatkuasaan di negara ini.

Katanya aduan orang ramai tidak semestinya terhadap PDRM sahaja dan wujud kemungkinan timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan mereka yang turut melibatkan 18 agensi penguatkuasa lain.

"Sebab itu, saya hendak menyatakan kita terima daripada segi semangat dan asas kehendak rakyat untuk membentuk satu badan pengaduan seperti yang dicadangkan iaitu IPCMC.

"Kita terima dan apa yang kita lakukan kita perluaskan kepada agensi-agensi lain," katanya ketika menjawab soalan Azmin Ali (PKR-Gombak) yang ingin tahu bilakah kerajaan bercadang mewujudkan IPCMC pada persidangan Dewan Rakyat, pada Khamis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674601>